



TINTA MINDA

Penguatkuasaan dan Rawatan, Membanteras Ketagihan Dadah



11/08/2026 08:15 AM

Pendapat mengenai pelbagai isu semasa daripada peneraju pemikiran, kolumnis dan pengarang.

Oleh Dr Hijaz Ridzwan

Kata kunci

penguatkuasaan

rawatan

banteras

dadah

ketagihan

Artikel berkaitan



Vape Dan Dadah sintetik: Ancaman Generasi Muda

Artikel terkini



Jalan Bertambah, Mengapa Kita Masih Terperangkap dalam Kesusakan?



Apabila Hutan Terbakar, Planet Kita Sedang Memberi Amaran



Menghayati Seni, Memperkasa Budaya Demi Kesejahteraan Negara

Laporan media mengenai strategi baharu Polis Kelantan yang memperkukuhkan penguatkuasaan terhadap penyalahgunaan dadah telah menarik perhatian masyarakat.

Langkah tersebut diambil dalam konteks cabaran sebenar yang sedang dihadapi negara, khususnya di negeri-negeri yang mencatatkan kadar penyalahgunaan dadah yang tinggi.

Menurut Menteri Dalam Negeri, sebahagian besar penghuni Penjara Pengkalan Chepa dan Penjara Machang merupakan pesalah berkaitan dadah, menggambarkan besarnya beban yang ditanggung oleh sistem keadilan jenayah dan pemulihan negara.

Hakikat ini menunjukkan bahawa penyalahgunaan dadah bukan lagi isu yang boleh dilihat secara terasing. Ia memberi kesan kepada keselamatan awam, institusi keluarga, produktiviti ekonomi dan kesihatan masyarakat.

Dalam keadaan sedemikian, usaha memperkukuhkan penguatkuasaan undang-undang merupakan satu komponen penting untuk mengekang bekalan dadah dan membanteras rangkaian pengedaran yang merosakkan masyarakat.

Namun dari sudut psikiatri, usaha membanteras dadah tidak berakhir dengan penguatkuasaan.

Ia perlu dilengkapi dengan rawatan dan pemulihan supaya individu yang mengalami ketagihan mempunyai peluang untuk kembali menjalani kehidupan yang sihat dan produktif.

Ketagihan ialah penyakit, bukan sekadar pilihan

Persepsi masyarakat terhadap penagih dadah masih banyak dipengaruhi oleh tanggapan bahawa mereka lemah semangat, tidak berdisiplin atau sengaja memilih jalan hidup yang salah.

Walaupun setiap individu bertanggungjawab terhadap tindakan mereka, pemahaman moden dalam bidang perubatan menunjukkan bahawa ketagihan jauh lebih kompleks daripada sekadar isu moral atau disiplin.

Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) dan pelbagai badan profesional antarabangsa mengiktiraf ketagihan sebagai penyakit kronik yang melibatkan perubahan fungsi otak.

Penggunaan dadah secara berulang mengubah sistem ganjaran otak sehingga individu mengalami keinginan yang kuat terhadap dadah, hilang kawalan terhadap penggunaannya dan terus mengambil bahan tersebut walaupun menyedari kesan buruk terhadap diri, keluarga dan pekerjaan.

Perubahan ini bukan bermaksud seseorang tidak boleh pulih. Sebaliknya, ia menjelaskan mengapa proses pemulihan memerlukan rawatan yang berterusan, sama seperti penyakit kronik lain seperti diabetes atau

sebelum, sama seperti penyakit mental lain seperti autisme atau hipertensi.

Mengapa ketagihan mudah berulang?

Salah satu ciri utama ketagihan ialah kecenderungannya untuk berulang. Ramai yang menganggap seseorang yang kembali mengambil dadah selepas menjalani rawatan sebagai gagal atau tidak bersungguh-sungguh untuk berubah.

Hakikatnya, risiko berulang merupakan sebahagian daripada perjalanan penyakit ini.

Tekanan hidup, konflik keluarga, pengaruh rakan sebaya, masalah pekerjaan, gangguan emosi dan pendedahan semula kepada persekitaran lama boleh mengaktifkan semula keinginan terhadap dadah.

Sebab itu rawatan ketagihan tidak boleh hanya tertumpu kepada menghentikan penggunaan dadah, tetapi juga membantu pesakit membina kemahiran mengurus tekanan, memperkukuhkan sokongan sosial dan merancang pencegahan relaps.

Dalam amalan klinikal, setiap episod relaps bukan sekadar kegagalan individu, tetapi peluang untuk menilai semula faktor risiko dan menambah baik pelan rawatan.

Penguatkuasaan dan rawatan saling melengkapi

Perbincangan mengenai dadah kadangkala mewujudkan tanggapan bahawa kita perlu memilih sama ada penguatkuasaan atau rawatan. Sebenarnya, kedua-duanya mempunyai fungsi yang berbeza tetapi saling melengkapi.

Penguatkuasaan menghalang pengedaran dadah, melindungi masyarakat daripada kegiatan jenayah dan mengurangkan akses kepada bahan terlarang.

Rawatan pula membantu mengurangkan permintaan terhadap dadah dengan merawat individu yang telah mengalami ketagihan.

Tanpa rawatan yang berkesan, seseorang mungkin kembali menggunakan dadah walaupun bekalan berjaya dikurangkan.

Atas sebab itu, strategi kebangsaan yang berkesan memerlukan kerjasama erat antara agensi penguat kuasa, institusi kesihatan, Agensi Antidadah Kebangsaan, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat dan keluarga.

Stigma masih menjadi halangan

Selain cabaran rawatan, satu lagi halangan besar ialah stigma. Ramai individu yang mengalami ketagihan sebenarnya ingin mendapatkan bantuan tetapi takut dipandang hina, dilabel sebagai penjenayah atau ditolak oleh keluarga dan majikan.

Akibatnya, mereka hanya mendapatkan rawatan apabila keadaan menjadi

lebih serius, sama ada selepas mengalami komplikasi kesihatan, ditangkap atau kehilangan pekerjaan.

Mengurangkan stigma tidak bermaksud kita bertolak ansur terhadap penyalahgunaan dadah. Sebaliknya, ia bermaksud kita membezakan antara perbuatan yang menyalahi undang-undang dengan penyakit yang memerlukan rawatan.

Pendekatan ini membolehkan lebih ramai individu tampil mendapatkan bantuan sebelum masalah menjadi semakin kronik.

Kejayaan perlu diukur secara menyeluruh

Kejayaan membanteras dadah sememangnya boleh dinilai melalui penurunan bekalan, rampasan dadah dan tindakan terhadap pengedar.

Namun dari perspektif kesihatan awam, terdapat petunjuk lain yang sama penting.

Berapa ramai yang berjaya memasuki rawatan? Berapa ramai yang kekal bebas daripada dadah selepas satu atau dua tahun?

Berapa ramai yang kembali bekerja, menyambung pelajaran atau menjalankan tanggungjawab sebagai ibu bapa? Berapa ramai yang tidak lagi mengulangi kesalahan yang sama?

Petunjuk-petunjuk ini memberi gambaran sama ada intervensi yang dilaksanakan benar-benar mengubah kehidupan seseorang atau sekadar menyelesaikan masalah untuk sementara waktu.

Tanggungjawab bersama

Membanteras dadah bukan hanya tanggungjawab polis atau agensi penguat kuasa. Ibu bapa perlu peka terhadap perubahan tingkah laku anak-anak.

Guru perlu mengenal pasti pelajar yang berisiko lebih awal. Majikan boleh memainkan peranan dengan menyediakan akses kepada bantuan psikososial bagi pekerja yang memerlukan.

Petugas kesihatan pula perlu memperkukuhkan saringan awal, rawatan berasaskan bukti dan sokongan susulan bagi mengurangkan risiko *relaps*.

Masyarakat juga mempunyai peranan penting. Individu yang sedang berusaha pulih memerlukan peluang kedua untuk kembali menyumbang kepada keluarga dan komuniti. Tanpa sokongan ini, proses pemulihan menjadi jauh lebih sukar.

Kesimpulan

Penyalahgunaan dadah merupakan cabaran nasional yang memerlukan tindak balas menyeluruh. Penguatkuasaan undang-undang adalah asas penting dalam mengekang pengedaran dan melindungi masyarakat daripada ancaman jenayah berkaitan dadah.

Dalam masa yang sama, rawatan dan pemulihan perlu terus diperkukuhkan kerana ketagihan ialah penyakit kronik yang boleh dirawat.

Apabila penguatkuasaan, rawatan, pencegahan awal dan sokongan masyarakat bergerak seiring, barulah kita mempunyai peluang yang lebih besar untuk memutuskan kitaran ketagihan secara berkekalan.

Akhirnya, matlamat kita bukan sekadar mengurangkan bilangan kes dadah yang direkodkan.

Matlamat yang lebih besar ialah membina sebuah masyarakat yang lebih sihat, lebih selamat dan memberi peluang kepada mereka yang ingin berubah untuk benar-benar memulakan kehidupan yang baharu.

-- BERNAMA

Dr Hijaz Ridzwan ialah Pakar Psikiatri dan Pensyarah di Kuliyyah Perubatan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

(Semua yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pendapat penulis dan tidak menggambarkan dasar atau pendirian rasmi BERNAMA)